

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (GENDANG PRU 14)

TARIKH: 04 APRIL 2018

MUKA SURAT: 13

Tapak Car Boot Sale ke Dataran Paya Besar

TAPAK Car Boot Sale di Taman Tas akan berpindah ke Dataran Paya Besar selepas dibuka untuk operasi dalam tempoh terdekat.

Aktiviti perniagaan dijalankan sejak tiga tahun lalu mendapat sambutan menggalakkan apabila 100 tapak untuk peniaga disediakan di kawasan berkenaan.

Program anjuran Pemuda Umno Paya Besar itu adalah satu inisiatif membantu golongan muda menjana pendapatan tambahan pada hujung minggu.

Ketua Pemudanya, Mohd Shahar Abdullah berkata, pihaknya berbesar hati apabila peruntukan RM1.2 juta untuk menaik taraf tapak sedia ada kepada sebuah dataran untuk aktiviti perniagaan itu.

Menurutnya, melalui peruntukan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) itu, selain tapak baharu untuk Car Boot Sale, turut dibina Pusat Pembangunan Belia tidak jauh dari kawasan berkenaan.

“Dengan adanya tapak baru ini, peniaga lebih selesa apabila ruang khas dibuka untuk operasi tidak lama lagi.

“Saya cukup gembira melihat usaha kecil daripada awal membuah hasil pada hari ini. Ini bukti keperluan anak muda didengar kerajaan,” katanya.

Mohd Shahar berkata, aktiviti jualan bermula Jumaat itu melibatkan peniaga pelbagai barangan termasuk makanan, pakaian dan aksesori.



Dataran Paya Besar menjadi tempat letak kereta pada hari biasa, dan merupakan lokasi perniagaan Car Boot Sale pada waktu malam hujung minggu.



Car Boot Sale Taman Tas antara aktiviti jualan popular di Kuantan.